

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
(INDERA MAHKOTA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.03.2018**

**Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah benar projek ECRL yang panjangnya 620 kilometer akan dibina oleh syarikat dari Negara China dengan kos RM55 bilion; dan
- (b) jika benar, mengapa kos pembinaannya per kilometer jauh mengatasi kos pembinaan jika dibandingkan dengan kos di Tanzania yang dianggarkan RM30 bilion (USD6.7 bilion) bagi 2,200 kilometer. Kos per kilometer bagi Tanzania adalah RM13.64 juta dan bagi Malaysia RM88.71 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan inisiatif projek infrastruktur *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China yang merupakan *game changer* dalam merangsang ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur. Pemilikan, pengurusan dan operasi projek ini dikawal sepenuhnya oleh syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Seperti yang diketahui umum, *China Communications Construction Company* (CCCC), salah satu syarikat pembinaan terbesar milik negara China telah dilantik sebagai kontraktor utama bagi pelaksanaan projek ECRL. Keputusan bagi menganugerahkan pelaksanaan projek ECRL kepada kontraktor utama iaitu CCCC mengambil kira dan dikaji daripada pelbagai aspek seperti kejayaan pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada 2014. Bukan hanya *track record* yang cemerlang di Malaysia, CCCC juga telah dianugerahkan pelbagai projek mega dari serata dunia. Dengan kajian yang telah dilaksanakan terhadap latarbelakang CCCC, Kerajaan berpendapat bahawa CCCC adalah kontraktor terbaik bagi melaksanakan projek mega ECRL yang diyakini dapat dilaksanakan secara professional hasil teknologi terkini, kemahiran tinggi serta pengalaman dalam menjayakan pelbagai projek berskala besar dari

seluruh dunia. Setelah meneliti pelbagai faktor dan *track record* yang cemerlang dalam pelbagai projek di seluruh dunia termasuk Malaysia, kerajaan amat yakin akan kemampuan CCCC sebagai syarikat rekacipta dan pembinaan terbesar di China dalam menjayakan projek mega ini.

Selain itu, Kerajaan turut komited dalam memastikan pengagihan 30% daripada nilai projek diperuntukkan kepada kontraktor tempatan seperti yang termaktub dalam perjanjian EPCC (*engineering, procurement, construction & commissioning*) dengan kontraktor utama iaitu CCCC.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos dalam setiap sistem pengangkutan awam berasaskan rel berbeza mengikut infrastruktur dan spesifikasi sistem di mana setiap projek pengangkutan awam adalah unik dan tersendiri.

Apatah lagi bila kos projek ECRL ini tidak terhad kepada kos pembinaan landasan keretapi sahaja, tetapi juga merangkumi semua kos-kos sampingan yang lain seperti kajian kejuruteraan untuk kelajuan rekabentuk, pembangunan stesen keretapi, kemudahan

infrastruktur, stok keretapi (*rolling stock*) seperti *Electric Multiple Unit* (EMU) bagi penumpang dan Lokomotif bagi kargo, sistem persembayanan tren (*train signaling system*), komunikasi dan lain-lain lagi. Seperti mana yang disebut sebelum ini, kos projek ECRL adalah RM55 bilion untuk landasan sepanjang 688 kilometer.

Berpandukan kepada keadaan topografi negara, keadaan geologi dan demi mendapatkan jajaran landasan yang optimum, pembinaan ECRL mempunyai cabaran yang kompleks. Projek ERCL ini adalah salah satu projek kejuruteraan dan pembinaan paling mencabar dalam negara setakat ini. Jajaran ECRL juga melibatkan empat buah negeri yang dijangka memberi impak positif yang besar terhadap sosio-ekonomi terutama penduduk di Wilayah Pantai Timur. Sehubungan itu, perbandingan kos projek per kilometer di antara Tanzania dan Malaysia adalah tidak tepat mengambil kira topografi, kos buruh dan landskap serta perbezaan spesifikasi teknikal yang mungkin berlainan daripada projek ECRL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 27**

**Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu adalah satu projek yang besar dan rumit. Antara skop projek adalah untuk membesarkan bangunan sedia ada bagi membolehkannya menampung jumlah penumpang daripada 1.5 juta orang setahun kepada 4 juta orang setahun. Antara tumpuan utama adalah membesarkan bangunan terminal, menambah parkir pesawat, pembesaran apron dan juga pembinaan bangunan *Airport Fire Rescue Service (AFRS)* yang baru.

Pada ketika ini, projek ini sedang dalam proses tender Kementerian Pengangkutan dan proses penilaian dan pelantikan kontraktor dijangka dapat diselesaikan pada Jun 2018.